

28 JAN 1997

Anwar-Balak

BPR DIMINTA BANTU SIASATAN PENYELUDUPAN BALAK DI SABAH

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini meminta Badan Pencegah Rasuah (BPR) supaya membantu menjalankan siasatan berhubung dakwaan penyeludupan kayu balak di Sabah.

Beliau juga meminta pihak yang berkaitan agar tidak membuat sebarang kenyataan sehingga jawatankuasa yang ditubuhkan bagi menangani isu berkenaan selesai membuat penyiasatan.

"Tidak wajar bagi pemimpin negeri untuk membuat tuduhan atau menyinggung, begitu juga dengan pemimpin persekutuan supaya penyiasatan dapat diteruskan tanpa gangguan ataupun komen yang menimbulkan ketegangan atau masalah," katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Kerajaan Tempatan Negara di sini.

Anwar berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi tadi meminta beliau bertindak tegas menangani pelbagai dakwaan yang ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu berhubung penyeludupan balak di negeri Sabah.

Katanya, walaupun jawatankuasa Kabinet peringkat negeri ditubuhkan untuk menyasat kes itu, ia harus mengambil pandangan daripada agensi pusat lain seperti Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) di bawah Kementerian Perusahaan Utama.

Isu penyeludupan balak itu menjadi hangat apabila Timbalan Ketua Menteri Sabah Datuk Ghapur Salleh selaku Pengerusi Jawatankuasa Kabinet peringkat negeri dan Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik mengeluarkan kenyataan yang bercanggah berhubung isu penyeludupan balak di negeri bawah bayu itu.

Jawatankuasa itu ditubuhkan selepas Anwar pada 20 Jan lepas mengarahkan kerajaan negeri menyasat penahanan kapal "MV Able Helmsmen" di Tawau pada 18 Jan lepas oleh Jabatan Perhutanan ketika memuat balak yang dipercayai untuk dibawa ke Jepun.

Anwar berkata siasatan isu balak itu diselaraskan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Operasi) Datuk Shahbuddin Imam Muhammad yang mempengerusikan jawatankuasa penyelarasan.

Beliau berkata Shahbuddin akan bertanggungjawab untuk menyediakan laporan yang menyeluruh termasuk laporan Jawatankuasa Kabinet negeri, mengambil pandangan kerajaan negeri, Jabatan Perhutanan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, MTIB dan semua pihak yang berkaitan.

Ditanya sama ada pihak yang terbabit boleh membuat kenyataan, Anwar berkata "mereka tidak sepatutnya membuat kenyataan kerana ia akan menyusahkan kerana penyiasatan sedang dijalankan dan sebab masing-masing ada pendapat masing-masing dan setiap jabatan mempunyai penjelasan, kalau tanya semua jabatan semua jabatan betul tapi balak hilang juga."

Anwar juga mahu pihak media bersikap adil dan menunggu penyiasatan kes itu selesai sebelum membuat laporan mengenai kes berkenaan.

Ditanya bila tempoh siasatan itu akan selesai, beliau berkata "saya minta penyiasatan itu disegerakan kerana tidak ada sebab ia harus dilengahkan.

Timbalan Perdana Menteri berkata beliau sudah menerima laporan Jawatankuasa Kabinet negeri yang diserahkan oleh Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee pagi tadi.

Bagaimanapun, beliau tidak mengulas lanjut mengenai laporan itu.

-- BERNAMA

HS MT OBA